

PENERBITAN ARTIKEL OLEH JABATAN KHIDMAT KORPORAT 2024
TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI
KELUARAN : APRIL 2024
TAJUK : PERANAN MAJIKAN DALAM PERCUKAIAN



Info Cukai Oleh: HASIL

Tahukah anda peranan majikan dalam percukaian?

Dalam aspek percukaian, majikan bertanggungjawab untuk mendaftar fail majikan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dan mengemukakan Borang E yang lengkap setiap tahun kepada HASiL pada atau sebelum 31 Mac.

Mulai tahun saraan 2023, majikan selain syarikat/syarikat labuan dikehendaki secara mandatori mengemukakan Borang Nyata (BN) menerusi e-Filing. Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang dormant juga wajib mengemukakan Borang e-E dan C.P8D walaupun:

- a) Tidak pernah beroperasi sejak tarikh diperbadankan/ ditubuhkan; atau
- b) Pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah menamatkan operasi atau perniagaan tersebut.

48 BIL • 03/2024 • DEWAN EKONOMI

Apakah yang dimaksudkan dengan Borang E yang lengkap?

Majikan bertanggungjawab untuk memastikan Borang E yang dikemukakan adalah lengkap dan boleh diterima oleh HASIL.

Borang e-E hanya dianggap lengkap jika:

- C.P8D dikemukakan sebelum atau pada tarikh akhir pengemukaan borang. Dalam kes pemilikan tunggal, perkongsian, keluarga sekutu Hindu dan harta pusaka yang tidak mempunyai pekerja, mereka adalah dikecualikan daripada mengemukakan C.P8D.
- Borang e-E dan C.P8D dikemukakan mengikut kaedah pengemukaan dan format seperti yang berikut:

Jenis	Kaedah	Format
Borang e-E	e-Filing	-
C.P8D	e-Data Praisi	Muat naik fail dalam format txt sebelum atau pada 25 Februari 2024 (tahun saraan 2023).
	e-CP8D	Muat naik fail dalam format txt sebelum atau pada tarikh akhir pengemukaan borang e-E.

- Borang e-E dan C.P8D yang dikemukakan hendaklah mengandungi semua maklumat pekerja termasuklah pekerja sepenuh masa separuh masa/kontrak atau pelatih industri dan individu yang bertanggungjawab atau terlibat dalam pengurusan sesuatu organisasi termasuk pengarah syarikat, ahli lembaga koperasi, pentadbir utama pertubuhan dan pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhad.

Borang e-E dan C.P8D yang tidak mengikut kaedah pengemukaan dan format yang ditetapkan adalah tidak boleh diterima.

Apakah tanggungjawab majikan terhadap pekerja dalam urusan percukaian?

Berdasarkan Seksyen 83 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, antara tanggungjawab majikan termasuklah:

- Memberitahu dan melaporkan pekerja baharu dalam tempoh 30 hari.
- Menyediakan Penyata Saraan (EA/ EC) kepada pekerja sebelum hari terakhir setiap bulan Februari setiap tahun.
- Mengemas kini butiran dan alamat pekerja dari masa ke masa.
- Membuat potongan cukai bulanan (PCB) setiap bulan dan meremit bayaran kepada HASIL.
- Memberitahu dan melaporkan pemberhentian dan kematian pekerja dalam tempoh yang ditetapkan.
- Menahan bayaran kepada pekerja bagi kes pemberhentian pekerjaan sehingga Surat Penyelesaian Cukai (SPC) dikeluarkan.
- Memaklumkan kepada pekerja tentang penggunaan Borang Tuntutan Potongan dan rebat individu bagi tujuan PCB (TPI) dan Borang TP3.